

Pendekatan Wasatiyyah Bagi Menangani Ikhtilaf Fiqh Dalam Kalangan Masyarakat Islam Nusantara

Mohd Anuar Ramli¹, Muhamad Sayuti Mansor & Lutfi Juwaini²

ABSTRAK

Islam agama yang menganjurkan keamanan sejagat. Namun begitu, senario mutakhir ini memperlihatkan konflik dalaman umat Islam pelbagai bidang kehidupan. Tidak terkecuali aspek hukum Islam atau fiqh turut menerima tempias yang sama. Hal ini melibatkan isu-isu fiqh sama ada isu yang diputar ulang ataupun isu baharu. Perselisihan yang berlaku ini kesan pertembungan antara dua aliran yang bertentangan dari segi metodologi mahupun pendekatan. Dalam konteks masyarakat Nusantara, dari segi pensejarahan yang panjang konflik ini diwarnai oleh berbagai aliran. Kebiasaannya, ia didominasi oleh ulama aliran tradisional dan aliran fundamental. Namun ada juga intervensi yang lahir kesan pertentangan tersebut, iaitu aliran liberal yang ingin membebaskan diri dari kongkongan tafsiran kelompok tersebut. Konflik ini turut menimbulkan kegelisahan internal kepada masyarakat Islam. Justeru, satu pendekatan wasatiyyah dalam menangani ikhtilaf fiqh perlu dibangunkan dalam konteks masyarakat Islam di Nusantara. Dalam kajian ini, pengkaji akan membincangkan konsep wasatiyyah menurut al-Qaradawi dan pendekatannya dalam menangani isu-isu fiqh yang menjadi medan perselisihan antara ulama semasa berdasarkan kerangka wasatiyyah. Justeru pendekatan wasatiyyah ini mampu menjadi paksi dalam mengharmonisasi antara aliran-aliran fiqh setempat.

Kata kunci: Wasatiyyah, ikhtilaf fiqh, konflik, Nusantara, tradisional, liberal, modus vivendi

¹ Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

² Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

PENGENALAN

Islam datang ke Alam Melayu dalam bentuk interaksi damai, bukan melalui pertumpahan darah, peperangan atau penaklukan. Pendekatan yang berorientasikan sufistik³ telah membentuk wajah keislaman yang toleran, sesuai dengan karakter khas Islam Nusantara yang wataknya bercirikan moderat.⁴

Secara umumnya, dalam sejarah perundungan Islam, telah wujud berbagai-bagi aliran dan pendekatan fiqh. Ia muncul sejak dari zaman Sahabat ra lagi, antaranya Fiqh ‘Abd Allah Ibn Mas’ud, Fiqh ‘Umar, Fiqh Ibn ‘Umar, Fiqh ‘Ali dan sebagainya. Perbezaan antara tokoh Sahabat ini telah melahirkan kecenderungan fiqh yang berbeza antara satu sama lain, sama ada tergolong dalam kelompok *ahl al-athar* atau *ahl al-rakyi*. Antara perbezaan lain yang jelas adalah kecenderungan *maqasidi* yang diwarnai oleh ijtihad ‘Umar, manakala kecenderungan *syakli* (formalisme) lebih jelas pada fiqh ‘Abd Allah Ibn ‘Umar.⁵

Dalam tempoh yang lama, pelbagai aliran fiqh telah lahir dan ia dapat dikategorikan dalam berbagai-bagi pembahagian berdasarkan perspektif para pengkaji. Jasser Auda misalnya telah menyimpulkan tiga kecenderungan utama dalam fiqh Islam kontemporari iaitu tradisionalisme, modernisme, dan pasca-modernisme⁶. Aliran-aliran ini merupakan aliran yang dibentuk berdasarkan kepada rujukan-rujukan hukum yang diguna oleh setiap satunya dalam melakukan kesimpulan hukum.

Namun, dalam konteks aliran semasa, pengkaji hanya membahagikan kepada lima aliran, iaitu dogmatis neo-zahiriyyah, literalis neo-fundamentalis, konservatif neo-tradisionalis, rasionalis neo-muktazilah dan *wasatiyyah (moderate)*.

Aliran neo-dogmatis *cum* literalis adalah jelmaan pandangan zahiri (neo-zahiriyyah) millenium baharu. Mereka bersikap tegas dan berpegang kuat dengan zahir teks al-Quran dan al-Sunnah tanpa melihat kepada sisi konteks. Mereka melepaskan diri daripada ijtihad ulama silam, dan merujuk secara langsung kepada al-Quran dan al-Sunnah.

³ Azyumardi Azra. *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII & XVIII*. Edisi revisi, (Jakarta: Kencana, 2004), 15.

⁴ Helmiati. *Sejarah Islam Asia Tenggara*, (Pekanbaru: Zanafa Publishing, 2011), 15.

⁵ Mahmood Zuhdi Ab Majid. “Fiqh Malaysia: Konsep dan Cabaran”, dlm. Paizah Hj Ismail & Ridzwan Ahmad. (eds.). *Fiqh Malaysia*, (Kuala Lumpur: APIUM), 7.

⁶ Jasser Auda. *Maqasid al-Shari'ah As Philosophy Of Islamic Law*, (Virginia: International Institute of Islamic Law, 2010), 160-161.

Aliran neo-tradisionalis *cum* fundamentalis pula berpegang kuat dengan teks turath serta menganggap hukum Islam telah sempurna dan tidak perlu kepada ijihad kontemporari lantaran wujud khazanah perbendaharaan yang telah ditinggalkan ulama silam dalam korpus kitab kuning. Semua jawapan telah tersedia, dan boleh dirujuk bila-bila masa sahaja. Mereka memandang tinggi hasil ijihad ulama silam hingga mentaqdiskan kitab-kitab kuning, dan tiada perubahan yang boleh dilakukan terhadap ijihad ulama silam tersebut. Mempersoalkan pemikiran fiqh kuning seolah-olah mempertikaikan autoriti hukum Islam.

Aliran neo-rasionalis *cum* liberalis berpendapat bahawa fiqh Islam telah lapuk dan tidak sesuai dengan perkembangan semasa. Hasil ijihad ulama klasik perlu dirombak dan dekonstruk bagi mewujudkan fiqh kontemporari yang relevan dengan kemajuan masyarakat masa kini. Pandangan fiqh kurun awal hanya sesuai dengan realiti masyarakat Arab. Mereka cenderung kepada pemikiran *maslahi* yang melampau hingga menafikan autoriti nass Syarak. Mereka ditunjangi oleh kelompok liberal dan menawarkan fiqh kontemporari yang mesra-gender, mesra-golongan bukan Islam dan mesra-golongan minoriti.

Justeru, kepelbagaian aliran sama ada dalam bentuk mazhab atau kelompok tertentu pasti menimbulkan konflik atau ikhtilaf yang boleh mendatangkan kesan buruk terhadap survival umat Islam di Nusantara khasnya. Pendekatan wasatiyyah ini mampu menjadi pemangkin terhadap keharmonian dalam menguruskan kepelbagaian aliran dalam masyarakat Islam.

KONSEP WASATIYYAH

Dari segi bahasa, wasatiyah merupakan satu perkataan yang berasal dari bahasa Arab yang merupakan kata terbitan kepada perkataan *wa-sa-ta*. Ianya membawa kepada beberapa pengertian iaitu kebijakan, pertengahan, keadilan, kebaikan dan perantaraan.⁷

Dari segi istilahnya, para ulama telah memberikan beberapa definisi kepada wasatiyah. Menurut Muhammad Qutb, wasatiyah bermaksud keseimbangan. Contohnya, keseimbangan di antara kemampuan fizikal, mental dan spiritual, keseimbangan di antara keimanan kepada perkara realiti yang dapat dirasai pancaindera dan keimanan kepada perkara ghaib yang tidak dapat dirasai

⁷ Ibn Manzur, *Lisan al-'Arab*. (Kaherah: Dar al-Ma'arif, t.t.), 7: 426.

pancaindera.⁸ Manakala menurut Muhammad 'Imarah, wasatiyah bermaksud kebenaran di antara dua kebatilan, dan keadilan di antara dua kezaliman, dan pertengahan di antara dua sudut yang melampau.⁹

Menurut Yusuf Qaradawi pula, wasatiyah membawa maksud pertengahan atau kesederhanaan di antara dua pihak yang saling bertembungan dan berlawanan, yang mana tidak hanya satu pihak yang memberi kesan dan menyingkirkan pihak yang lain, dan setiap pihak tidak mengambil lebih daripada hak masing-masing yang sepatutnya. Di antara contoh dua pihak yang saling berlawanan tersebut ialah ketuhanan dan kemanusiaan, ukhrawi dan duniawi, wahyu dan akal serta individu dan kumpulan.¹⁰ Yusuf Qaradawi juga mendefinisikan manhaj wasatiyah sebagai keseimbangan dan kesederhanaan dalam segala sesuatu; di dalam akidah, ibadah, akhlak, muamalat dan perundangan serta jauh daripada berlebih-lebihan dan melampau.¹¹

Sehubungan itu, pendekatan *wasatiyyah* menjadi paksi dan mengimbangi antara pandangan neo-zahiris, neo-muktazilis, neo-tradisionalis dan aliran-aliran lain di samping menawarkan pendekatan pertengahan dalam pentafsiran fiqh Islam. Penilaian ke atas *turath* silam bukan bermakna nilai-nilai legasi peninggalan ulama terdahulu dipandang remeh dan tiada nilai intelektual. Namun ia adalah satu usaha untuk menyegarkan dan menghidupkan kembali peranan mereka dalam tradisi yang sama tetapi berlainan zaman. Ini adalah kerana kehidupan sebahagian besar umat Islam pada abad kini telah jauh berubah dan berbeza daripada kehidupan masyarakat Islam serta suasana umat Islam pada masa ribuan jilid kitab fiqh itu ditulis dan dibukukan.

Pendekatan Wasatiyah Menurut Yusuf al-Qaradawi

Yusuf al-Qaradawi dianggap sebagai sebahagian tokoh yang memperjuangkan pendekatan wasatiyah, namun begitu ianya tidak bermaksud bahawa beliau merupakan tokoh pertama yang membincangkan tentang konsep ini. Ianya juga tidak bermaksud bahawa para ulama sebelum beliau tidak mengambil pendekatan wasatiyah tersebut.¹²

⁸ Akram Kassab, *Dawr al-Qaradawi fi Ta'sil al-Wasatiyah wa Ibriz Ma'alimiha*. (Kaherah : Maktabah Wahbah, 2008), 18.

⁹ Ibid., 19.

¹⁰ Ibid., 19-20.

¹¹ Yusuf al-Qaradawi, "al-Wasatiyah wa al-I'tidal", dalam Mu'tamar Wasatiyah: Mukhtarat min Fikr al-Wasatiyah. <http://www.wasatia.org/wp-content/uploads/2010/05/book.pdf>

¹² Ibid., 36.

Sebaliknya, al-Qaradawi sendiri menjelaskan tentang tokoh-tokoh yang mengambil pendekatan wasatiyah tersebut. Menurut al-Qaradawi para ulama yang memperjuangkan pendekatan wasatiyah ini terdapat pada setiap zaman bagi membimbing umat Islam untuk mengikuti manhaj Islam yang mudah dan memberikan khabar gembira, sebagaimana yang diperintahkan oleh baginda Rasulullah SAW sendiri. Di antaranya ialah Shaikh Rashid Rida, Shaikh Mahmud Shaltut dan Shaikh Mustafa Zarqa.¹³

Manakala tokoh pertama yang menghasilkan penulisan berkenaan pendekatan wasatiyah ini ialah Shaikh Muhammad Muhammad al-Madini. Karyanya yang berjudul “*al-Wasatiyah fi al-Islam*” adalah berdasarkan kepada konsep wasatiyah sepertimana yang terdapat dalam surah al-Baqarah ayat 143. Tujuan karya ini dihasilkan ialah untuk menunjukkan kesempurnaan dan kesyumulan Islam serta kemampuannya untuk menjadi pendorong proses *islah* dalam masyarakat.¹⁴ Seterusnya al-Qaradawi pula mengambil wasatiyah sebagai pendekatan perjuangan dan dakwah beliau ditengah-tengah suasana tersebarinya aliran-aliran yang mengambil pendekatan keras dan ekstrem sekitar tahun 1950-an hingga 1960-an.¹⁵

Ciri-Ciri Wasatiyah Menurut Yusuf al-Qaradawi

Terdapat pelbagai ciri-ciri yang khusus kepada pendekatan wasatiyah. Ciri-ciri ini merupakan satu keistimewaan yang terdapat pada pendekatan wasatiyah ini, dan dapat membezakannya dengan pendekatan-pendekatan lain, sama ada pendekatan yang terlalu keras dan ketat, maupun pendekatan yang sering bermudah-mudah dan menghalalkan semua perkara. Ciri-ciri wasatiyah ini dapat dilihat melalui pendekatan sederhana dan seimbang yang diambil oleh aliran ini sewaktu menghadapi isu-isu besar. Antaranya adalah:

- 1- Sikap pertengahan di antara golongan yang menyeru kepada amalan bermazhab yang sempit dengan golongan yang menyeru kepada kebebasan dari terikat dengan mazhab secara mutlak.¹⁶
- 2- Sikap pertengahan di antara golongan yang berhukum dengan akal semata-mata walaupun menyalahi nas yang qat'i dengan golongan yang menafikan peranan akal walaupun untuk memahami nas.

¹³ Yusuf al-Qaradawi, *Dirasah fi Fiqh Maqasid al-Syari'ah: Bayna al-Maqasid al-Kulliyah wa an-Nusus al-Juz'iyah*. (Kaherah: Dar al-Shurok, 2006), 221-248.

¹⁴ Akram Kassab, *Dawr al-Qaradawi fi Ta'sil al-Wasatiyah*, 38-39.

¹⁵ Al-Qaradawi, “*al-Wasatiyah wa al-I'tidal*”, 59.

¹⁶ Yusuf al-Qaradawi. *Mustaqbal al-Usuliyyah al-Islamiyah*. (Beirut: al-Maktab al-Islami, 1998). 48.

- 3- Sikap pertengahan di antara golongan yang bersikap keras dan ketat walaupun dalam perkara-perkara furu' dengan golongan yang bersikap bermudah-mudah walaupun dalam perkara-perkara usul.
- 4- Sikap pertengahan di antara golongan yang terlalu memuliakan *turath* walaupun realiti semasa sudah berubah dengan golongan yang mengabaikan turath walaupun di dalamnya terdapat panduan yang berguna.
- 5- Sikap pertengahan di antara golongan yang mengingkari peranan ilham secara mutlak dengan golongan yang menerima secara melampau, sehingga menjadikannya sumber hukum syara'.
- 6- Sikap pertengahan di antara golongan yang berlebihan dalam mengharamkan, sehingga seperti tiada sesuatupun perkara yang halal dengan golongan yang terlalu mudah menghalalkan seakan tiada sesuatupun perkara yang haram.
- 7- Sikap pertengahan di antara golongan yang mengabaikan nas dengan alasan untuk menjaga maqasid syariah dengan golongan yang mengabaikan maqasid syariah dengan alasan untuk menjaga nas.¹⁷

APLIKASI TEORI KONFLIK OPS DALAM ISU IKHTILAF FIQH DI NUSANTARA


Manusia merupakan makhluk *homo conflictus*, iaitu makhluk yang selalu terlibat dalam perbezaan, pertentangan dan persaingan baik secara sukarela maupun terpaksa, pertentangan idea ataupun fizikal.¹⁸ Walaupun Islam agama yang menekankan persaudaraan dan perpaduan dalam kalangan umat Islam, namun perpecahan dan konflik tetap wujud semenjak dari zaman awal Islam. Perpecahan politik pada peringkat awalnya melahirkan fragmentasi pelbagai dimensi masyarakat Islam, sama ada dalam aspek aqidah, fiqh dan sebagainya. Proses perubahan yang berlaku dari bentuk masyarakat tradisional ke masyarakat moden atau dari masyarakat pertanian kepada industri dan beralih kepada masyarakat komunikasi dan teknologi maklumat (ICT) kini, tetap menampilkan sisi lama ikhtilaf fiqh. Kebanyakan masalah lama (*Old Problem*) masih belum selesai secara tuntas dan masih menjadi *recycle conflict*, sedangkan masalah baharu (*New Problem*) mula menular dalam realiti masyarakat Islam di Nusantara. Begitu juga timbul masalah (*Emerging Problem*) yang merentas sempadan mazhab fiqh. Penjelasan ini dapat dilihat dalam teori OPS (O {*Old, New, Emerging*} Problem Syndrome).¹⁹ Lihat rajah 1 di bawah;

¹⁷ Ibid.

¹⁸ Abdul Jamil Wahab. *Managemen Konflik Keagamaan: Analisis Latar Belakang Konflik Keagamaan Aktual*. (Jakarta: Gramedia, 2014), 5.

¹⁹ Teori ini dikemukakan oleh Oo Yu Hock. *Ethnic Chameleon : Multiracial Politics in Malaysia*. (Petaling Jaya : Pelanduk Publications, 1991), 65-92.

Rajah 1 : Teori konflik OPS



Sumber : Diubah suai daripada Oo Yu Hock (1991)

Rajah 1 merujuk kepada teori konflik OPS. *Old Problems* merupakan konflik yang telah lama berlaku dalam masyarakat Islam di Nusantara, iaitu antara mazhab Sunni sama ada antara Shafi'i-Salafiyah, Shafi'i-Hanafi, tradisionalis-reformis dan seumpamanya. Manakala *New Problems* merupakan konflik yang baharu timbul dalam masyarakat Islam Nusantara, iaitu konflik luaran mazhab, iaitu Sunni-Syi'ah, Sunni-Ahmadiyah dan seumpamanya. Sedangkan *Emergence Problems* pula adalah konflik yang muncul merentasi sempadan mazhab dan kelompok tertentu. Misalnya konflik antara organisasi Islam, parti politik Islam dan sebagainya. Secara terperincinya adalah seperti berikut:

Old Problem (Masalah Lama)

Masalah lama (*old problem*) merupakan konflik dalaman antara sesama mazhab atau dalam lingkungan mazhab (*intra-mazhab*) dalam masyarakat Islam Malaysia di Malaysia khususnya nusantara amnya. Senario ini masih wujud walaupun negara telah merdeka. Misalnya di Malaysia dikenali sebagai konflik antara Shafi'iyyah dengan Salafiyah.²⁰ Ia juga dinamakan dengan konflik kaum Tua dan Kaum

²⁰ Saadan Man dan Abdul Karim Ali, "Ikhtilaf Fiqhi di Kalangan Aliran Syafi'iyyah Dan Salafiyah Di Malaysia: Analisis Retrospektif Terhadap Faktor Pencetus", *Jurnal Fiqh*, 2005, 73-96.

Muda.²¹ Usaha mewujudkan reformasi dalam masyarakat Melayu melalui gerakan islah pada awal abad ke-20 mencetuskan konflik dalam masyarakat Melayu.²² Isu-isu yang diperselisihkan ini dapat dilihat dalam masalah:

- a) Membaca bismillah secara nyaring dalam solat-solat nyaring.
- b) Membaca qunut dalam solat Subuh, lafaz sayyidina dalam tasyahhud.
- c) Wirid berjemaah dengan suara nyaring selepas solat jamaah.
- d) Melakukan azan dua kali sebelum solat Jumaat.
- e) Sembahyang sunat qabliyyah solat Jumaat selepas azan pertama.
- f) Bilangan rakaat sembahyang tarawih dan zikir-zikir yang mengiringinya.
- g) Talkin selepas pengkebumian jenazah.
- h) Adat menunggu kubur dan mengupah bacaan al-Quran di atasnya.
- i) Majlis tahlil.
- j) Menghadiahkan pahala bacaan Quran dan tahlil kepada si mati.
- k) Mengadakan kenduri arwah.
- l) Sambutan maulid Nabi SAW.
- m) Sambutan awal Muharram
- n) Sambutan Nisfu Sha'ban dan seumpamanya.²³

New Problem (Masalah Baru)

Masalah baharu (*new problem*) merujuk kepada konflik luaran mazhab (*inter-mazhab*). Masyarakat Melayu Islam di Malaysia khususnya dan di Nusantara tidak dapat terkecuali dalam masalah dan konflik luaran. Misalnya, kini timbul konflik antara mazhab Sunni dengan mazhab Syiah.²⁴ Pengaruh revolusi Iran turut mengimport aliran mazhab Syiah ke Alam Melayu buat kali kedua selepas berjaya ditangkis dalam sejarah Alam Melayu.²⁵ Aliran ini mula mendapat tempat di Indonesia dan turut membuka pusat ibadat atau pertemuan di kawasan masyarakat Melayu yang menganut

²¹ Adibah Sulaiman et al., "Malay Society of the Late 19th and Early 20th Century: Blind Imitation vs Independent Reasoning", *Middle-East Journal of Scientific Research* 7 (2011): 7-13.

²² Abdul Ghafar bin Don dan Badlihisham Mohd. Nasir "Cabaran Dakwah di Malaysia Sebelum dan Selepas Merdeka", *Jurnal al-Hikmah*, 4 (2012): 15-22.

²³ Saadan Man dan Abdul Karim Ali, "Ikhtilaf Fiqhi di Kalangan Aliran Syafi'iyyah dan Salafiyah", 73-96.

²⁴ Abdul Jamil Wahab. *Managemen Konflik Keagamaan*, 5.

²⁵ Mohd Samsuddin Harun & Azmul Fahimi Kamaruzaman. "Kemunculan Budaya Syiah di Alam Melayu: Satu Kajian Awal", *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia*, 305-314.

mazhab Shafi'i di Malaysia. Namun mereka mempunyai praktik yang berbeza dengan pengikut mazhab Shafi'i. Antara perbezaan ini adalah:²⁶

- a) Membasuh kaki ketika berwuduk.
- b) Azan.
- c) Sujud.
- d) Waktu solat dan jamak solat.
- e) Qunut.
- f) Nikah mut'ah.

Emerging Problem

Kemunculan masalah (*emerging problem*) dalam masyarakat Islam merentasi sempadan konflik inter-mazhab dan intra-mazhab fiqh. Ini termasuklah kelahiran ajaran-ajaran sesat dan salah. Begitu juga aliran yang tidak dikenali dalam sejarah perkembangan perundangan Islam seperti Ahmadiyah, Islam Liberal, ISIS. Selain itu, ia turut melibatkan konflik antara organisasi Islam, misalnya NU dengan Muhammadiyyah dan antara parti politik Islam. Konflik ini kadangkala mengatasi sempadan mazhab dan pegangan fiqh. Antara isu yang menjadi polemik adalah:

- a) Perjuangan LGBTQ oleh kelompok Islam liberal.
- b) Perjuangan menubuhkan negara Islam oleh kelompok ISIS.
- c) Permulaan puasa dan aidil fitri antara organisasi Islam.

Berdasarkan ikhtilaf tersebut, dapat dirumuskan bahawa hubungan antara masyarakat Islam khususnya di Malaysia dan Nusantara masih lagi ampuh berikutan kekuatan mazhab Shafi'i yang menjadi mazhab rasmi kebanyakan negara negara, khususnya di Malaysia. Namun insiden-insiden sporadik (relatifnya jarang-jarang berlaku) tidak dapat menghalang ke arah usaha membina fiqh yang bersifat semasa dan setempat dalam kalangan masyarakat Islam di Nusantara.

PENDEKATAN WASATIYYAH MENURUT YUSUF AL-QARADAWIY

Terdapat beberapa prinsip asas yang mendasari aliran wasatiyah ini. Al-Qaradawi telah meletakkan beberapa prinsip asas tersebut dalam karya-karya beliau. Antaranya termasuklah:

1. Memudahkan dan memberi khabar gembira

Prinsip memudahkan diaplikasikan dalam penentuan hukum fiqh dan pengeluaran fatwa, manakala prinsip memberi khabar gembira pula

²⁶ M. Quraish Shihab. *Sunnah-Syiah Bergandengan Tangan! Mungkinkah?* Cet. 4, (Tangerang: Lantera hati, 2014), 243-248.

diterapkan dalam proses dakwah dan memberi peringatan kepada masyarakat. Pendekatan wasatiyyah sentiasa melazimi prinsip memudahkan dan memberi khabar gembira, setiap sesuatu yang dibina atas prinsip wasatiyyah nescaya akan terdapat juga prinsip memudahkan dan memberi khabar gembira.²⁷ Prinsip memudahkan di sini bermaksud memberi kemudahan dalam perkara-perkara furu' sahaja, manakala dalam perkara usul yang merupakan asas-asas agama, aliran wasatiyyah mengambil pendekatan yang ketat dan sama sekali tidak membuka ruang untuk kemudahan.²⁸

Terdapat dua bentuk memudahkan dalam penentuan hukum fiqh. Pertamanya ialah memudahkan sesuatu hukum fiqh itu untuk difahami oleh masyarakat. Hal ini dapat dilakukan dengan cara seperti menggunakan bahasa yang mudah, menggunakan istilah-istilah yang tepat dan dapat difahami masyarakat moden, menjelaskan hikmah pensyariatan sesuatu hukum serta menggunakan metodologi penulisan moden yang mudah difahami.²⁹ Manakala bentuk kedua pula ialah memudahkan hukum fiqh itu sendiri untuk diamalkan dan diperaktikkan dalam kehidupan. Hal ini dapat dilakukan dengan meraikan rukhsah, mengambil pandangan yang lebih ringan bukannya pandangan yang lebih berhati-hati, menyempitkan ruang perkara-perkara yang diwajibkan dan yang dilarang hanya kepada perkara yang sabit dengan nas yang jelas, serta membebaskan diri daripada fanatik kepada mana-mana mazhab.³⁰

2. Menggabungkan di antara salafiyyah dan tajdid

Salafiah bermaksud kembali kepada usul dan sumber hukum syara' iaitu al-Qur'an dan al-Sunnah. Manakala tajdid pula bermaksud mengambil kira konteks dan realiti semasa serta membebaskan diri dari kejumudan dan taqlid buta.³¹ Bagi mendapatkan pendekatan yang sederhana, kedua-dua aspek ini perlu digabungkan. Hal ini kerana jika diperhatikan secara teliti, kedua-dua aspek ini tidak bertentangan sama sekali, bahkan keduanya berperanan untuk saling melengkapi. Sebagai contohnya, Rasulullah SAW sendiri memberi penjelasan bahawa agama ini sentiasa mengalami pembaharuan dan perkembangan. Sifat agama Islam ini yang kekal relevan sepanjang zaman memerlukannya untuk sentiasa berinteraksi dengan perubahan zaman dan tempat.³²

3. Sikap pertengahan di antara zahiriyyah dan ahli takwil

²⁷ Al-Qaradawi, "al-Wasatiyyah wa al-I'tidal", 75-76.

²⁸ Ibid.

²⁹ Yusuf al-Qaradawi. *Nahw Fiqh Muyassar Mu'asir*. (Kaherah : Maktabah Wahbah, 1996), 16-23.

³⁰ Ibid., 24-30.

³¹ Al-Qaradawi, "al-Wasatiyyah wa al-I'tidal", 78.

³² Ibid., 81.

Di antara prinsip aliran wasatiyah ialah mengambil sikap pertengahan di antara kejumudan dalam memahami nas secara literal dengan sikap meluaskan ruang takwil tanpa disiplin dan kayu ukur yang tertentu. Aliran zahiriyah cenderung untuk memahami sesuatu nas syara' dari aspek kefahaman literalnya semata-mata, serta mengabaikan aspek maqasid kepada nas tersebut serta aspek *ta'lilnya*. Pendekatan ini sering membawa kepada kefahaman nas yang sempit dan keputusan hukum yang keras. Bahkan aliran ini sering menganggap mereka yang cuba "untuk mantakwilkan nas tersebut serta cuba memahami tujuannya sebagai melakukan satu perbuatan *bid'ah*".³³

Manakala golongan yang cenderung untuk mentakwilkan nas pula cenderung untuk melakukannya secara berlebihan sehingga mengabaikan nas tersebut dengan alasan untuk menjaga maqasid syariah dan maslahah. Kebanyakan golongan ini kebiasaannya telah terpengaruh dengan aliran pemikiran luar seperti liberalism yang mengagungkan kemampuan akal manusia sehingga sanggup untuk mengenepikan nas Syara'.³⁴ Oleh itu kedudukan aliran wasatiyah ialah pada pertengahan di antara kedua-dua aliran ini, dengan menerima pentakwilan nas namun berdasarkan disiplin yang tertentu dan tidak melampau sehingga mengabaikan nas.

4. Menyeimbangkan di antara perkara *thawabit* (tetap) dan *mutaghayirat* (boleh berubah)

Thawabit ialah perkara-perkara berkaitan agama yang sudah tetap dan tidak akan berubah. Contohnya ialah perkara berkaitan akidah, kewajipan ibadah fardhu, prinsip-prinsip akhlak dan dalil-dalil qat'i. Manakala *mutaghayirat* pula ialah perkara *furu'* yang boleh menerima perubahan menurut konteks semasa. Contohnya ialah ilmu pertanian, perubatan dan kejuruteraan. Oleh itu pendekatan wasatiyah menggabungkan kedua-kedua aspek ini dan menyeimbangkannya. Sebagai contohnya ialah tegas dalam perkara usul dan prinsip umum manakala fleksibel pada perkara *furu'* dan bersifat *juz'iyah*. Bersikap tegas dalam nilai-nilai agama dan akhlak manakala fleksibel pada urusan-urusan berbentuk duniawi.³⁵

5. Menggabungkan fiqh dan hadis

Pendekatan wasatiyah yang didokong oleh al-Qaradawi meletakkan prinsip untuk menggabungkan di antara fiqh dan hadis dalam menyelesaikan pelbagai masalah yang dihadapi. Setiap fatwa yang dikeluarkan berdasarkan prinsip ini akan menepati kontekstual dan sangat mendalam. Pemisahan di antara fiqh dan hadis akan menyebabkan kecelaruan dalam proses penentuan hukum. Seseorang ahli fiqh yang tidak menguasai ilmu hadis akan terdedah untuk

³³ Al-Qaradawi, *Dirasah fi Fiqh Maqasid al-Syariah*, 59-64.

³⁴ Ibid., 93-102.

³⁵ Al-Qaradawi, "al-Wasatiyyah wa al-I'tidal", 87-89.

menyandarkan keputusan hukumnya berdasarkan hadis-hadis yang lemah dan tidak diterima untuk dijadikan dalil hukum. Manakala seorang ahli hadis yang tidak mendalami fiqh pula mungkin akan mengeluarkan keputusan hukum dengan bersandarkan kepada literal hadis tanpa memahami tujuan syariat daripadanya serta cara untuk mengistinbatkan hukum daripadanya.³⁶ Oleh itu jelaskan penggabungan di antara kedua-dua ilmu ini dapat membawa kepada sebuah keputusan hukum yang mantap dan menyeluruh.

6. Meraikan realiti

Antara pendekatan wasatiyah yang penting ialah menyandarkan sesuatu hukum itu kepada realitinya yang sebenar, dengan menimbangkan di antara maslahat dan mudarat yang wujud. Meraikan realiti ini sangat penting bagi mengambil pendekatan yang sederhana. Hal ini supaya sesuatu keputusan hukum yang dikeluarkan itu mempunyai hubungan dengan realiti semasa dan bukannya sekadar satu khayalan.³⁷ Oleh itu beberapa perkara perlu diperhatikan supaya sesuatu tindakan yang dilakukan itu sentiasa bertepatan dengan realiti semasa. Antaranya ialah kefahaman terhadap konsep berubahnya hukum dengan sebab berubahnya keadaan zaman dan tempat.³⁸

7. Memahami nas yang *juz'iy* dalam kerangka maksud syariah yang menyeluruh

Al-Qaradawi sentiasa menyeru supaya kefahaman nas syariah sesuai dengan maksud syariah. Kelalaian dalam memahami maqasid syariah akan menyebabkan kekeliruan yang besar iaitu tanggapan bahawa Islam tidak lagi sesuai dengan setiap tempat dan zaman.³⁹ Sekiranya difahami secara mendalam, sebenarnya tidak terdapat sebarang pertentangan untuk menerima nas yang *juz'iy* dan dalam masa yang sama menerima kerangka maqasid syariah yang menyeluruh. Hal ini kerana sudah menjadi tabiat Islam itu sendiri iaitu setiap hukum yang disyariatkan Islam adalah bertujuan untuk kemaslahatan manusia itu sendiri. Oleh itu, jelaslah di sini bahawa setiap nas yang *juz'iy* itu dapat difahami menurut kerangka maksud syariahnya yang menyeluruh tanpa berlaku sebarang pertembungan.⁴⁰

Sehubungan itu, pendekatan yang digariskan oleh al-Qaradawi dapat dijadikan sandaran dalam membangunkan perpaduan dan keharmonian dalam masyarakat Islam di Malaysia khususnya dan Nusantara amnya. Ini kerana ikhtilaf yang berlaku kebanyakannya berpunca daripada ketidakseimbangan dalam pendekatan tersebut.

³⁶ Rumaizuddin Ghazali, *Yusuf al-Qaradawi dan Pengaruhnya Dalam Masyarakat Islam di Malaysia*. (Nilai: Penerbit USIM, 2012), 88.

³⁷ Ibid., 99-100.

³⁸ Ibid.

³⁹ Ibid., 102.

⁴⁰ Al-Qaradawi, *Nahw Fiqh Muyassar Mu'asir*, 90.

PENUTUP: MENCARI MODUS VIVENDI DALAM PEMBINAAN FIQH NUSANTARA YANG BERTERASKAN PENDEKATAN WASATIYYAH

Konflik keagamaan dalam masyarakat Islam semakin berkembang. Jurang salahfaham dan ikhtilaf fiqh semakin membesar. Sehubungan itu satu modus vivendi melalui pendekatan wasatiyah adalah perlu dilaksanakan. Pendek kata, dalam menguruskan ikhtilaf fiqh;

- i. Perbezaan yang berlaku dalam masalah *furu'* hendaklah diterima sebagai suatu kemestian dan rahmat. Hakikat kemestian ini dapat dilihat dari beberapa faktor seperti fitrah agama Islam yang mengandungi hukum-hakam yang *qat'i* dan *zanni*, muhkamat dan mutasyabihat dan seumpamanya yang mengundang kepada pelbagai pentafsiran.
- ii. Saling bertoleransi dalam masalah yang diperselisihan. Toleransi yang dimaksudkan ialah tidak fanatik kepada suatu pendapat yang bertentangan dengan pendapat lain dalam masalah *khilafiyah* atau satu mazhab dan seorang imam yang bertentangan dengan mazhab dan imam lain.
- iii. Meninggalkan fanatisme terhadap individu, mazhab dan golongan tertentu. Fanatism terhadap individu atau diri sendiri sebenarnya hanya dipengaruhi oleh nafsu dan kedegilan walaupun kadangkala hujah yang dikemukakan adalah terlalu lemah. Mereka mengamalkan suatu pemikiran jumud dan beku yang langsung tidak bermanfaat bagi percambahan akal fikiran. Sikap sebahagian para pengikut yang hampir memaksumkan mazhab telah melahirkan sikap fanatisme mazhab yang sukar dilerakan.⁴¹

Proses damai antara pihak-pihak terlibat perlu ditangani secara berhemah. Tambahan pula, orang-orang Melayu-Islam di Nusantara mempunyai keistimewaan tersendiri. Didapati dalam beberapa hal, mereka mempunyai persamaan dalam budaya, misalnya persamaan dalam bahasa dan cara hidup yang menunjukkan mereka dalam satu rumpun yang sama.⁴² Begitu juga kekuatan daripada sudut ikatan kekerabatan atau kekeluargaan, yang mana sistem kekerabatan akan melahirkan tanggungjawab dan ketaatan anggota-anggota kekeluargaan, keistimewaan ini boleh dilihat melalui kuasa dalam setengah-setengah masyarakat yang dipersambungkan menurut kerabat dan aktiviti ekonomi dalam setengah-setengah masyarakat merupakan kerjasama

⁴¹ Saadan Man et al., "Kesesuaian Pemikiran Dan Amalan Mazhab Selain Syafi'i Dalam Masyarakat Islam Di Malaysia: Satu Analisis Awal", *Jurnal Fiqh*, 6(2009): 21-40.

⁴² Wan Abdul Kadir, *Beberapa Aspek Masyarakat Dan Budaya Melayu*. (Kota Bharu: Masfami Enterprise, 1993), 14.

keluarga hingga apabila datang kepada soal kahwin, mereka bergotong-royong, mereka juga bekerjasama dalam ekonomi serta tolong menolong dalam situasi-situasi tertentu berdasarkan kepada hubungan kekerabatan.⁴³

Keistimewaan dan kekuatan dalam Alam Melayu juga terpancar melalui pengalaman mereka, iaitu dalam hubungan antara perseorangan dalam unit apa sekalipun, ternyata dialami sebagai satu pengalaman kekeluargaan dan kekerabatan. Perkara ini dibuktikan melalui pengamalan orang-orang Melayu, antaranya ukuran jauh-dekat dan rapat-renggang perhubungan adalah istilah jarak kekeluargaan yang digunakan dalam memerikan perhubungan itu.⁴⁴ Inilah konsep adat dalam perhubungan masyarakat manusia Melayu. Keakraban adalah moraliti dan pengucapan keutuhan masyarakat dan budaya dan terangkum sebagai sistem adat.⁴⁵

Dengan kata lain, satu gagasan Fiqh Nusantara yang berpaksikan pendekatan wasatiyyah boleh dibangunkan. Ini kerana persamaan budaya dan dominasi mazhab Shafi'i dapat dijadikan struktur asas dalam kerangka Fiqh Nusantara. Bukan bermakna, nilai fiqh akan dipribumisasikan, namun ia perlu dibina seiring dengan pengambilkiraan kedudukan dan pensejarahan masyarakat Melayu-Islam di Nusantara. Selain itu, nilai lemah lembut dan berbudi dalam peradaban Melayu mampu mengatasi elemen ketaksuban mazhab dan radikalisme. Berdasarkan nilai tersebut, ikhtilaf fiqh dalam masyarakat Melayu-Islam dapat ditangani dengan baik.

⁴³ Ibid., 58.

⁴⁴ Zainal Kling, *Adat: Dasar Budaya Melayu dlm. Kebudayaan Nusantara : Kepelbagaiannya Dalam Kesatuan.* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1997), 61.

⁴⁵ Ibid., 62.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Ghafar bin Don dan Badlihisham Mohd. Nasir. "Cabaran Dakwah di Malaysia Sebelum dan Selepas Merdeka", *Jurnal al-Hikmah*, 4 (2012): 15-22.
- Abdul Jamil Wahab. *Managemen Konflik Keagamaan: Analisis Latar Belakang Konflik Keagamaan Aktual*. Jakarta: Gramedia, 2014.
- Adibah Sulaiman et al., "Malay Society of the Late 19th and Early 20th Century: Blind Imitation vs Independent Reasoning", *Middle-East Journal of Scientific Research* 7 (2011): 7-13.
- Akram Kassab. *Dawr al-Qaradawi fi Ta'sil al-Wasatiyah wa Ibraz Ma'alimiha*. (Kaherah : Maktabah Wahbah, 2008).
- Azyumardi Azra. *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII & XVIII*. Edisi revisi, Jakarta: Kencana, 2004.
- Helmiati. *Sejarah Islam Asia Tenggara*, Pekanbaru: Zanafa Publishing, 2011.
- Ibn Manzur. *Lisan al-'Arab*. Kaherah: Dar al-Ma'arif, t.t.
- Jasser Auda. *Maqasid al-Shari'ah As Philosophy Of Islamic Law*, (Virginia: International Institute of Islamic Law, 2010.
- M. Quraish Shihab. *Sunnah-Syiah Bergandengan Tangan! Mungkinkah?* Cet. 4, (Tangerang: Lantera hati, 2014.
- Mahmood Zuhdi Ab Majid. "Fiqh Malaysia: Konsep dan Cabaran", dlm. Paizah Hj Ismail & Ridzwan Ahmad. (eds.). *Fiqh Malaysia*. Kuala Lumpur: APIUM.
- Mohd Samsuddin Harun & Azmul Fahimi Kamaruzaman. "Kemunculan Budaya Syiah di Alam Melayu: Satu Kajian Awal", Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 305-314.
- Oo Yu Hock, *Ethnic Chameleon: Multiracial Politics in Malaysia*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications, 1991.
- al-Qaradawi, Yusuf. "al-Wasatiyah wa al-I'tidal", dalam *Mu'tamar Wasatiyah: Mukhtarat min Fikr al-Wasatiyah*. <http://www.wasatia.org/wp-content/uploads/2010/05/book.pdf>
- al-Qaradawi, Yusuf. *Dirasah fi Fiqh Maqasid al-Syari'ah: Bayna al-Maqasid al-Kulliyah wa an-Nusus al-Juz'iyyah*. Kaherah: Dar al-Shuruq, 2006.
- al-Qaradawi, Yusuf. *Mustaqbal al-Usuliyyah al-Islamiyah*. Beirut: al-Maktab al-Islami, 1998.
- al-Qaradawi, Yusuf. *Nahw Fiqh Muyassar Mu'asir*. (Kaherah : Maktabah Wahbah, 1996.
- Rumaizuddin Ghazali. *Yusuf al-Qaradawi dan Pengaruhnya Dalam Masyarakat Islam di Malaysia*. (Nilai: Penerbit USIM, 2012.

- Saadan Man et al., "Kesešuaian Pemikiran Dan Amalan Mazhab Selain Syafi'i Dalam Masyarakat Islam Di Malaysia: Satu Analisis Awal", *Jurnal Fiqh*, No. 6 (2009): 21-40.
- Saadan Man dan Abdul Karim Ali. "Ikhtilaf Fiqhi di Kalangan Aliran Syafi'iyyah Dan Salafiyyah Di Malaysia: Analisis Retrospektif Terhadap Faktor Pencetus", *Jurnal Fiqh*, 2005, 73-96.
- Wan Abdul Kadir. *Beberapa Aspek Masyarakat Dan Budaya Melayu*. Kota Bharu: Masfami Enterprise, 1993.
- Zainal Kling, *Adat: Dasar Budaya Melayu dlm. Kebudayaan Nusantara : Kepelbagaian Dalam Kesatuan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1997.